Rujukan : UKM KPD.BPA.600-4/3/2
Tarikh : 17 Mei 2024

Semua Pelajar Berdaftar
Program Prasiswazah
FEP dan FPI
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

**PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2023/2024**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa Semester 3 Sesi Akademik 2023/2024 akan **bermula pada 12 Ogos 2024**.

Sehubungan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan saudara/i seperti berikut:

| BIL | PERKARA |
|---|---|
| 1. | Pendaftaran kursus awal akan bermula **27 Mei - 2 Jun 2024** secara dalam talian melalui laman web **https://smplucee.ukm.my/smpe**. Sila rujuk tarikh penting di web UKMShape sebagai panduan. |
| 2. | Sila rujuk penawaran kursus yang ditawarkan oleh fakulti di laman web http://www.ukm.my/ukmshape. Sila klik pada menu pendaftaran awal untuk mendaftar kursus. |
| 3. | Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Semester 1 Sesi Akademik 2023/2024 tidak dibenarkan mendaftar pada Semester 3 ini. |

| | |
|---|---|
| 4. | Syarat-syarat pendaftaran Semester 3 adalah seperti berikut:<br><br>i. Pendaftaran untuk Semester 3 Sesi Akademik 2023/2024 adalah **DIWAJIBKAN** oleh pihak fakulti;<br><br>ii. Pelajar dibenarkan mengambil **TIDAK MELEBIHI DUA (2)** kursus sahaja, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada fakulti;<br><br>iii. Pelajar hanya boleh gugur kursus sahaja pada **19 - 25 Ogos 2024**;<br><br>iv. Tarik diri kursus boleh dilakukan sehingga minggu ke-5 perkuliahan iaitu selewat-lewatnya pada **15 September 2024** dan akan diberikan gred TD;<br><br>v. Gred yang diperolehi bagi kursus Semester 3 akan diambilkira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada semester berikutnya (Semester 1 Sesi Akademik 2024/2025);<br><br>vi. Tempoh pengajian Semester 3 tidak diambilkira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan ijazah; |

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila e-mel kepada Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar di alamat upprpshape@ukm.edu.my

Sekian, harap maklum.

Yang benar,

**PROF. MADYA DR. FARIZA KHALID**
Timbalan Pengarah I
Akademik dan Pengembangan Program

s.k. - Ketua Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar